



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/11/11\_84 (HQ)

### PENCAWANG ELEKTRIK DIHEMPAP BONGKAH BATU DI BESTARI JAYA, KUALA SELANGOR

Kami merujuk kepada kejadian runtuhan bongkah batu ekoran hujan berterusan yang telah menghempap sebuah bangunan pencawang elektrik di sebuah ladang ternakan ayam di Bestari Jaya, Kuala Selangor, Selangor hari ini.

TNB sedang bekerjasama dengan Jabatan Bomba & Penyelamat Selangor di tapak kerana masih berlaku pergerakan tanah di sekitar kawasan kejadian.

Demi keselamatan orang awam, bekalan elektrik telah dimatikan dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan. Pencawang tersebut juga adalah terpencil dan hanya membekalkan elektrik kepada premis ladang sahaja.

Kerja-kerja baik pulih aset dan bekalan TNB hanya boleh dilakukan setelah kerja-kerja pembersihan selesai dan disahkan selamat oleh pihak berkuasa.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 11 November 2022, jam 6:20 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*